

LAMPIRAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda memilih produk yang berikut:

Sila tandakan yang mana berkenaan di dalam dokumen ini

- Kad Debit MasterCard**
(Kad debit ini hanya sah untuk pelanggan Perbankan Peribadi)
- Kad Debit Standard Chartered Liverpool FC MasterCard**
(Kad debit ini hanya sah untuk pelanggan Perbankan Peribadi)
- Kad Debit Visa Platinum Perbankan Prioriti**
(Kad debit ini hanya sah untuk pelanggan Perbankan Prioriti)

Anda diwajibkan untuk membaca Terma Pelanggan, Terma Akaun Semasa/Cek/Simpanan dan Deposit Tetap dan Garis Panduan Perkhidmatan Perbankan Tambahan.

Standard Chartered Bank Malaysia Berhad ("Bank")

Tarikh:

Nombor Akaun : _____

Matawang : RM
 Matawang Asing

1. Apakah yang anda perlu tahu tentang produk ini?

Sebagai kad debit, kad ini merupakan instrumen pembayaran yang membolehkan anda membayar untuk barang dan perkhidmatan daripada akaun deposit anda di premis runcit dan perkhidmatan yang menyertai. Anda dikehendaki untuk mengekalkan akaun deposit bersama kami, yang akan digabungkan dengan kad debit anda. Kad debit ini juga mempunyai fungsi ATM untuk pelanggan membuat pengeluaran wang tunai daripada akaun deposit yang digabungkan dengannya. Kad debit ini mempunyai aplikasi tanpa sentuhan yang membenarkan anda melakukan transaksi tanpa tunai di terminal MyDebit bagi pembelian di bawah RM250.

Untuk membuat pengeluaran tunai ATM luar negara, pembelian luar negara, pembelian atas talian dan transaksi mail-order-telephone order (transaksi tanpa kad), anda dikehendaki opt-in (membuat permintaan) melalui cawangan kami atau pusat panggilan di **1300 888 888** atau **603-7711 8888** (sekiranya anda membuat panggilan dari luar negara).

2. Apakah yuran dan caj¹ yang perlu saya bayar?

i) Kad Debit

Deskripsi	Kad Debit MasterCard / Kad Debit Liverpool FC MasterCard	Kad Debit Visa Platinum Perbankan Prioriti
• Kad Baru	RM8.48*	Percuma
• Yuran Tahunan	RM8.48*	Percuma
• Penggantian kad yang hilang / rosak	RM8	Percuma
• Penggantian kad bermasalah (kad yang baru dikeluarkan)	Percuma	Percuma
• Penggantian kad disebabkan Sekatan PIN	RM8	Percuma
• Pengeluaran Wang Tunai di Luar Negara	RM12.72 untuk setiap transaksi	Percuma

¹ Semua yuran dan caj yang disenaraikan adalah termasuk 6% GST, berkuatkuasa mulai 1 April 2015.

* Untuk pelanggan Perbankan Kakitangan dan Pemegang Akaun JustOne, yuran pengeluaran Kad Debit dan Yuran Tahunan akan dikecualikan.

ii) Rangkaian ATM Standard Chartered

Deskripsi	Kad Debit MasterCard / Kad Debit Liverpool FC MasterCard	Kad Debit Visa Platinum Perbankan Prioriti
	(untuk setiap transaksi)	
Pengeluaran Wang Tunai	Percuma	Percuma
Pertanyaan Baki	Percuma	Percuma
Pindahan Dana Antara Bank (IBFT)	RM0.32	RM0.32

iii) Rangkaian ATM HOUSE**

Deskripsi	Kad Debit MasterCard / Kad Debit Liverpool FC MasterCard	Kad Debit Visa Platinum Perbankan Prioriti
	(untuk setiap transaksi)	
Pengeluaran Wang Tunai	RM1.00	RM1.00
Pertanyaan Baki	Percuma	Percuma
Pindahan Dana Antara Bank (IBFT)	RM4.24	RM4.24

** Rangkaian HOUSE merangkumi Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, HSBC Bank Malaysia Berhad, OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan United Overseas Bank (M) Bhd.

iv) Rangkaian Perkongsian ATM MEPS (SAN)

Deskripsi	Kad Debit MasterCard / Kad Debit Liverpool FC MasterCard	Kad Debit Visa Platinum Perbankan Prioriti
	(untuk setiap transaksi)	
Pengeluaran Wang Tunai (daripada mana-mana Akaun Semasa JustOne)	RM4.24	RM4.24
Pengeluaran wang tunai (Akaun Semasa atau Simpanan lain)	a) 2 pengeluaran wang tunai MEPS SAN pertama setiap bulan: RM1.06 NOTA: Ini sah HANYA SEKIRANYA baki akaun harian purata anda merangkumi semua Ringgit akaun semasa dan simpanan anda pada bulan sebelumnya melebihi RM5,000. Jika tidak, yuran ialah RM4.24 untuk setiap transaksi.	4 pengeluaran wang tunai MEPS SAN pertama setiap bulan: RM1.06
	b) Pengeluaran wang tunai MEPS ke-3 dan seterusnya: RM4.24	Pengeluaran wang tunai ke-5 MEPS dan seterusnya: RM4.24
Pindahan Dana Antara Bank (IBFT)	RM4.24	RM4.24
Pertanyaan Baki	Percuma	Percuma

Transaksi dalam Mata Wang Asing

- Transaksi dalam mata wang selain Ringgit Malaysia akan ditukarkan pada kadar tukaran yang ditetapkan oleh Visa International / MasterCard Worldwide / Bank dan bersertakan yuran, caj dan komisen berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Visa International / MasterCard Worldwide pada tarikh transaksi diproses.
- Bank akan mengenakan caj tambahan 1% ke atas amaun transaksi dalam mata wang asing atau amaun transaksi di luar negara dengan Kad Debit MasterCard dan/atau Kad Debit Visa.

3. Bolehkah saya mengurangkan had kumulatif tanpa sentuh atau menarik diri daripada menggunakan fungsi tanpa sentuh kad debit saya?

Had kumulatif tanpa sentuh kad debit anda telah ditetapkan kepada RM500 sehari. Sekiranya anda ingin menetapkan had rendah atau menarik diri daripada fungsi ini, sila hubungi kami di 1300 888 888 / 03-7711 8888 (sekiranya anda membuat panggilan dari luar negara) atau melawati mana-mana cawangan kami.

4. Apakah terma dan syarat utama?

Pra-kebenaran untuk pembayaran menggunakan kad debit

Amaun pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dicaj kepada akaun deposit disatukan apabila anda membuat pembayaran menggunakan kad debit di mana-mana dispenser minyak automatik. Bank akan hanya mengeposkan amaun transaksi sebenar dan mengeluarkan mana-mana amaun pegangan tambahan daripada akaun anda dalam masa 3 hari bekerja selepas tarikh transaksi.

5. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi kewajipan?

Liabiliti anda untuk transaksi yang tidak dibenarkan ialah sehingga RM250, dengan syarat anda tidak melakukan penipuan atau menyalahi undang-undang atau gagal untuk memaklumkan Bank tentang kehilangan kad debit anda dengan segera selepas mengetahui bahawa kad debit anda telah hilang atau dicuri. Bagi kes sedemikian, liabiliti anda untuk transaksi yang tidak dibenarkan adalah melebihi amaun sebanyak RM250. Bank berhak untuk membuat pemotongan yuran dan caj daripada akaun disatukan atau daripada mana-mana akaun lain di bawah nama pelanggan.

6. Apakah risiko utama?

Kad anda mungkin dicuri atau hilang atau disalahgunakan. Jadi anda harus melindungi kad dan PIN anda dan tidak boleh mendedahkan butiran kad atau PIN kepada sesiapa pun. Sila hubungi Bank pada talian 1800 88 8998 / 03-7849 6888 (sekiranya anda membuat panggilan dari luar negara) dengan serta-merta apabila mengetahui kad debit anda telah hilang atau dicuri. Anda juga harus memberitahu Bank dengan serta-merta sekiranya anda mengetahui atau mengesyaki sekuriti PIN anda telah dikompromi atau disalahgunakan. Anda dinasihatkan untuk tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon bimbit sebagai PIN anda untuk menangani penggunaan kad debit anda tanpa kebenaran sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian kad. Sekiranya anda ingin meninggalkan transaksi SMS alerts, harus diingat bahawa keputusan ini mengandungi risiko. Anda harus menghubungi Bank untuk keluar daripada alerts ini. Pastikan semua transaksi yang tertera dalam penyata akaun anda adalah betul. Sila beritahu Bank tentang sebarang percanggahan dalam penyata akaun anda dalam masa 30 hari dari tarikh penyata.

7. Apa perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran maklumat dan butiran surat-menyurat?

Anda diwajibkan memberitahu kami tentang sebarang pertukaran butiran surat-menyurat bagi memastikan semua surat-menyurat sampai tepat pada masanya. Anda boleh menghubungi pusat panggilan di **1300 888 888** atau **603-7711 8888** (sekiranya anda membuat panggilan dari luar negara) atau mengemaskini maklumat di mana-mana cawangan kami.

8. Di manakah saya boleh mendapat maklumat selanjutnya?

Maklumat boleh didapati di semua cawangan dan melalui laman web kami di www.sc.com/my. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:
Tel: 1300 888 888 atau 603-7711 8888 (sekiranya anda membuat panggilan dari luar negara)
Emel: Malaysia.feedback@sc.com (untuk pertanyaan yang tidak berkaitan dengan akaun). Pelanggan yang telah mendaftar untuk perbankan online Standard Chartered juga boleh menghubungi melalui laman web kami, atau kunjungi mana-mana cawangan kami untuk maklumat lanjut.

9. Apakah risiko-risiko yang berkaitan dengan transaksi tanpa kad dan transaksi luar negara?

Apabila transaksi tanpa kad dan transaksi luar negara dilakukan, anda terdedah kepada risiko data akaun dikompromi atau maklumat tersebut mungkin digunakan bagi pembelian dan/atau pengeluaran tunai yang tidak dibenarkan. Anda diingatkan bahawa bagi transaksi luar negara, pengesahan ciri-ciri kad bagi transaksi pembelian berbeza-beza dari negara ke negara dan sesetengah negara / pedagang mungkin tidak menggunakan pendekatan yang ketat. Transaksi tidak sah mungkin berlaku sekiranya data akaun anda dikompromi.

10. Bagaimana caranya untuk membatalkan kad debit saya?

Sila ke mana-mana cawangan Standard Chartered Bank Malaysia Berhad atau Standard Chartered Saadiq Berhad untuk membatalkan kad debit dan menutupi akaun yang digabungkan dengannya.

Maklumat yang terkandung dalam lampiran pendedahan ini adalah sah pada 29 November 2016.

